

Banjir di pantai timur

Empat sekolah diarah tutup

Terjejas teruk selepas hujan lebat 48 jam, 107 penduduk dipindah

>>Oleh Zaiti Zabidi, Azmaidi Abidin, Nojie Nadzirah, Betty Subaryati, Ahmad Rabiul Zulkifli dan Zaid Salim
am@hmetro.com.my

SETIU: Seramai 107 penduduk dipindahkan akibat banjir yang melanda daerah ini semalam dengan kawasan terjejas teruk ialah Kampung Langkap, Kampung Merbau Menyusut dan Kampung Seri Kenangan di Mukim Hulu Nerus di pedalaman Langkap, dekat sini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir daerah ketika dihubungi berkata, hujan lebat berterusan sejak 48 jam lalu mengakibatkan beberapa kampung banjir, manakala sekolah diarah tutup kerana ditenggelami air.

Antara sekolah ditutup kira-kira jam 10.30 pagi semalam ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Chalok, SK Kampung Buloh, SK Kampung Besut, SK Pelong se-



PULANG...
ibu bapa menjemput murid Sekolah Kebangsaan Chaloh yang pulang awal, semalam.

lepas Pejabat Pelajaran Daerah mengarahkan pihak sekolah memindahkan pelajar terbabit ke pusat pemindahan disediakan berikutan banjir semakin teruk dan beberapa jalan menghubungkan sekolah berkenaan di-

tenggelami air.

Di Kampung Langkap, tujuh keluarga membabitkan 14 orang dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Kampung Langkap, manakala di Kampung Merbau Menyusut 21 keluarga dengan 78

orang dipindahkan ke Masjid Kampung Merbau Menyusut.

Di Kampung Seri Kenangan, tiga keluarga membabitkan 15 orang dipindahkan ke rumah saudara-mara.